

Salam Sejahtera,
Salam 1 Malaysia,
Salam Sehati Sejiwa,

YBrs Datuk,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

Berikut adalah maklum balas KPM berhubung dengan pertanyaan/ aduan daripada guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan isu HRMIS. Antaranya adalah seperti berikut:-

- a) Sukar / mempunyai masalah untuk akses ke program ini.

Untuk makluman YBrs Datuk, masalah akses kepada sistem HRMIS melibatkan dua (2) perkara utama iaitu infrastruktur rangkaian 1Bestarinet di sekolah di bawah seliaan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), KPM serta aplikasi sistem HRMIS dibawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sehubungan itu, pihak JPA bersama dengan urus setia HRMIS KPM, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah membuat lawatan ke enam (6) buah sekolah untuk membuat diagnosis awal masalah teknikal yang dihadapi oleh kakitangan diperingkat sekolah. Dapatan awal diagnosis tersebut didapati berkaitan dengan rangkaian 1Bestarinet di sekolah; kapasiti jalur lebar yang disediakan oleh pihak vendor adalah terhad. Beberapa cadangan penambah baikkan kepada infrastruktur rangkaian 1Bestarinet telah dicadangkan untuk diambil tindakan sesegera mungkin.

Dari segi aplikasi sistem HRMIS itu sendiri, JPA sedang dalam pemantauan dan tindakan pemulihan supaya akses dan pengalaman pengguna yang lebih baik dapat ditawarkan oleh HRMIS.

- b) Ketetapan tarikh yang ditetapkan adalah dalam jangka masa yang pendek.

Berkenaan tarikh pengemaskinian SKT dan LNPT bagi sekolah-sekolah adalah mengikut Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing, berdasarkan kemampuan dan kebolehlaksanaan peluasan. KPM juga telah menerima banyak aduan berkenaan tarikh tutup yang pendek dan telah meminta JPN melonggarkan tarikh tutup berkenaan sehingga akhir bulan 10 selaras dengan kesesuaian oleh JPN.

KPM juga memberikan pelepasan kepada sekolah-sekolah yang dikenal pasti oleh JPN dan dikemukakan kepada KPM sekolah-sekolah yang mempunyai masalah kepada akses internet, sekolah di pendalaman 1,2,& 3 dan sekolah yang tidak mempunyai Pentadbir HRMIS (PT Perkhidmatan).

Sekian, terima kasih.

Firdaus bin Md Din
Cawangan Pengurusan Maklumat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia